

Ruj Kami: MBPJ/090100/T/M13/JLD 5 (73)  
Tarikh: 26 OGOS 2013

## KENYATAAN AKHBAR

### MBPJ KONGSI KERIANGAN AIDILFITRI

Nasib golongan yang kurang berkemampuan terus mendapat perhatian Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang menghulurkan sumbangan berjumlah RM30,000.00 dan hamper berupa barang keperluan dapur sempena Sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri MBPJ yang diadakan di Stadium Kelana Jaya, Petaling Jaya.

Mereka yang menerima sumbangan seramai 200 orang yang terdiri daripada keluarga yang mempunyai ramai anak dan ibu tunggal yang berstatus miskin bandar dan tidak bekerja yang berpendapatan RM 1,500 ke bawah.

Kesemua penerima sumbangan ini merupakan penduduk yang berdaftar di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) yang berada di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya iaitu PPR Kota Damansara, PPR Lembah Subang, Petaling Jaya Selatan (PJS), Desa Mentari dan Impian Baiduri.

Antara objektif pemberian sumbangan ini ialah untuk meringankan bebanan penduduk yang tidak berkemampuan. Di samping itu juga, ia merupakan salah satu tanggungjawab dan sumbangan khidmat sosial daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya kepada komuniti setempat di bawah pentadbirannya.

Pada majlis ini juga acara penyerahan 110 buah basikal kepada 55 Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga yang berdaftar pada tahun 2012 dan 2013 dengan MBPJ dan telahpun menghantar laporan bagi program tersebut.

Tidak ketinggalan, MBPJ turut menyampaikan anugerah peniaga bazar ramadan terbaik tahun 2013. Seramai 40 orang pemenang akan menerima hadiah berupa sijil penghargaan dan barang elektrik.

Program tahunan ini juga masih lagi menggunakan Konsep 6K sebagai format penilaian di mana para peniaga adalah disaran untuk menitikberatkan dan mengamalkan aspek kebersihan, kesihatan, kepatuhan (syarat majlis), kesopanan, keceriaan dan kehijauan yang baik sepanjang menjalankan perniagaan di bulan Ramadan.

Pada tahun ini sebanyak 17 gerai makanan dan minuman disediakan oleh pihak majlis yang menyajikan pelbagai juadah istimewa untuk orang ramai antaranya 10 ekor kambing panggang, makanan tradisional melayu, sate, mee bandung muar, lontong, lemang, teh tarik, roti jala, cendol dan lain-lain lagi.

Majlis Sambutan Rumah Terbuka ini turut diserikan dengan persembahan pentas oleh artis jemputan Zarina AF dan Iwan AF.

Disediakan oleh,

**Sekretariat Media  
Unit Perhubungan Awam,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

**Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my) atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 010-4268050, [ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)**